

*Tarbiyah Pengasas Siri 58*

*7 November 2023*

## **GELAGAT PELAJAR YANG TIDAK MENYENANGKAN**

*Prof Dr Muhammad Syukri Salleh*

### **Soalan Prof Dr Abd Aziz Yusoff**

Sepanjang pengalaman Prof sebagai seorang pendidik sudah tentu pernah berhadapan dengan gelagat-gelagat pelajar yang tidak menyenangkan Prof. Boleh Prof kongsi gelagat-gelagat berkenaan?

Jawapan

1. Kena terima hakikat bahawa semua manusia, para pelajar, memang mempunyai macam-macam gelagat yang tidak menyenangkan. Itu perkara biasa kerana mereka datang daripada pelbagai latarbelakang.
2. Pelajar-pelajar ini termasuklah pelajar sebelum adanya ISDEV, bekas pelajar-pelajar ISDEV (alumni, termasuk sekarang sudah menjadi pensyarah di pelbagai universiti), dan pelajar-pelajar ISDEV yang sedang belajar sekarang.
3. Antara gelagat yang tidak menyenangkan tersebut ialah:
  - i. Tidak hadir kuliah/program

Biasanya saya ambil daftar kehadiran, tetapi kadangkala ada juga yang *misses*.

Seorang bekas pelajar pernah akui saya mungkin tidak kenal beliau kerana beliau jarang-jarang datang ke kuliah. Sangat tidak menyenangkan bila mendengar pengakuan beliau ini.

Begitulah juga tidak menyenangkan apabila ada pelajar tidak ikut program seperti Pengajian Selasa, Graduate Monthly Supervision, INGRAW, IDMAC dan sebagainya tanpa alasan kukuh dan munasabah, sedangkan semua program ini ialah untuk memberi ilmu dan kebaikan kepada mereka.

ii. Tidak *concentrate* masa kuliah/program

Mungkin kerana cara atau kandungan kuliah atau apa yang dicakap membosankan mereka. Perkara ini boleh dicam pada riak wajah dan mata mereka, juga pada cara mereka duduk.

Yang rugi adalah mereka sendiri. Reaksi mereka boleh mematikan idea yang hendak kita sampaikan.

iii. Tidak buat kerja yang disuruh mengikut tempoh yang diberikan

Hal ini kadangkala terikat dengan kaedah para pensyarah masing-masing. Ada yang kejar pelajar apabila tidak menepati tempoh, ada yang tidak kisah kerana mahu mendidik pelajar agar berdikari dan bertanggungjawab kepada diri sendiri.

iv. Tidak tepat waktu

Masa muda-muda dulu saya kunci pintu bilik kuliah bila masa kuliah telah tiba. Siapa yang lambat tidak dapat masuk.

Sampai sekarang masih ada, sama ada pensyarah atau pelajar, yang tidak menjaga ketepatan waktu.

v. Tidak bercakap benar

Biasanya pelajar memberi alasan untuk menyelamatkan dirinya daripada dihukum atau dipandang negatif.

Pensyarah boleh tahu gelagat ini dengan bertanya beberapa soalan, pada waktu yang sama atau waktu berlainan, seumpama mencantumkan *puzzle*. Atau dengan amalan zikir “yang haq akan muncul/menang, yang bathil akan diketahui/kalah”.

vi. Tidak tepati janji

Berjanji untuk melakukan sesuatu, malah mengatakan memang sudah dilakukannya, tetapi tidak diserahkan kepada guru.

vii. Tidak hormat guru

Tidak ada beza gelagatnya sama ada di hadapan guru atau di belakang guru.

Bercakap terlalu banyak lebih daripada guru (misalnya seorang tetamu yang datang ke rumah masa Hari Raya bercakap terlalu banyak sehingga guru sebagai tuan rumah tidak ada ruang untuk bercakap)

Atau terlalu diam sehingga terasa semacam pelajar tersebut tidak kisah tentang kehadiran guru (mungkin kerana terlalu hormat kepada gurunya?)

viii. Menyebar keburukan guru

Menyebarkan (fitnah) keburukan guru di luar ISDEV. Dunia akademik adalah sempit. Mudah untuk diketahui tentang sebaran/fitnah tersebut.

Menghasut orang lain tidak bersetuju dengan pemikiran guru di belakang guru, tanpa rasa ingin menguatkan pemikiran tersebut dengan berkongsi fakta-fakta yang benar untuk memperbaiki pemikiran tersebut secara profesional.

ix. Plagiat dan *Free-Riderism* (Boncengan Gratis)

Dua orang pelajar PhD dari luar negara mempunyai tulisan Kaedah Penyelidikan yang sama, pada hal tulisan akan dibaca oleh guru yang sama kerana kedua-dua mereka adalah di bawah penyeliaan guru tersebut.

Menyerahkan *assignment* untuk diperiksa, padahal *assignment* itu ditiru daripada kawan lain (misalnya peristiwa pelajar di PP Sains Kemasyarakatan yang mengambil *assignment* pelajar lain daripada dalam bakul penyerahan untuk dirinya).

x. Kedekut

Bila makan, tidak merasa untuk membayar makanan guru dan teman-teman pelajar yang lain. Mungkin

kekurangan wang? Belum yakin dengan janji Allah, satu kebajikan akan diganti berkali-kali ganda.

Peristiwa bermusafir ke Danau Toba, seorang pelajar diuji untuk belanja aiskrim, tetapi pelajar tersebut bersetuju belanja hanya untuk guru sahaja, tetapi tidak untuk teman-teman lain di dalam bas.

- xi. Memuja hanya seorang guru, tetapi ketepi kebaikan guru-guru lain

Seorang pelajar sentiasa memuji seorang guru secara terbuka, sehingga nampak sangat fanatik dengan guru itu sahaja, tanpa mempedulikan kelebihan guru-guru lain.

Seorang pelajar bercakap dengan teman-teman dengan memuji penyeliannya sahaja kerana penyeliannya sahaja yang dikatakan ada ilmu tertentu, sedangkan guru-guru lain tidak ada.

Mahu semua kawan-kawannya yang rapat atau senegeri diselai oleh seorang guru sahaja, tanpa meneliti kesesuaian dengan guru-guru lain.

- xii. Merasa lebih berilmu daripada guru

Secara langsung atau tidak, memperlekeh ilmu guru, atau tidak merasakan ilmu guru ada manfaat kerana memikirkan beliau lebih tinggi ilmunya dari guru, hingga beliau tidak menghiraukan guru, malah mungkin pandang rendah kepada guru tersebut.

- xiii. Tidak ada jiwa perjuangan

Datang belajar hanya mahu dapat ijazah, tanpa peduli ilmu dan usaha perjuangan memuliakan Islam.

4. Nota: Gelagat-gelagat ini bukanlah gelagat-gelagat yang menjadi anutan majoriti warga ISDEV. Sesetengahnya hanya seorang atau dua sahaja yang mempunyai gelagat sedemikian. Secara umum, majoriti warga ISDEV adalah menyenangkan dan membahagiakan.
5. Walau seorang dua yang mempunyai gelagat yang tidak menyenangkan, ISDEV sebagai kilang tetap kena memproses pelajar-pelajar ini hingga menjadi *consumer end product*.
6. Bagaimana strategi ISDEV menangani para pelajar ini akan dibincangkan dalam Tarbiyah Pengasas pada bulan hadapan, In Sya Allah.